

01 MAY 1997
MB Selangor
MB SELANGOR BARU DIKETAHUI ESOK?

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Siapa Menteri Besar Selangor yang baru mungkin diketahui esok.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual menghadap Sultan Selangor di Green Lodge, kediaman baginda di Shah Alam pada 10 pagi esok dipercayai untuk mendapatkan perkenan baginda mengenai pelantikan Menteri Besar itu.

Bernama difahamkan Anwar akan menemui pemberita selepas majlis menghadap itu dan mengumumkan nama Menteri Besar yang baru, yang sekaligus akan menamatkan spekulasi yang berlarutan hampir tiga minggu mengenai pengganti Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Muhammad meletak jawatan pada 14 April lepas setelah menghadapi tuduhan di Australia kerana gagal mengisytiharkan wang tunai yang nilainya bersamaan RM2.4 juta yang cuba dibawanya keluar dari Lapangan Terbang Brisbane pada 22 Disember tahun lepas.

Beliau dijangka dibicarakan di Mahkamah Majistret Brisbane selama tiga hari mulai 19 Ogos ini bersama satu lagi tuduhan iaitu membuat perisytiharan palsu.

Peletakan jawatan Muhammad diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang diadakan dua hari sebelum Muhammad secara rasmi melepaskan jawatan itu.

Muhammad, dalam persidangan berita pada 14 April lepas bagaimanapun memeranjatkan ramai pihak kerana mengambil keputusan untuk tidak melepaskan jawatannya sebagai Naib Presiden Umno. Beliau juga tidak mengosongkan kerusi Dewan Undangan negeri kawasan Batang Kali yang diwakilinya.

Tanda tanya berhubung bakal Menteri Besar yang baru pada mulanya dijangka terjawab pada 21 April lepas apabila Dr Mahathir menghadap Sultan Selangor di Istana Selangor di sini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas pertemuan itu bahawa beliau memerlukan lebih masa untuk membuat keputusan tentang siapa yang akan dilantik untuk mengisi jawatan itu.

Sultan Selangor pula dalam pertemuannya dengan pihak media selepas itu memberitahu baginda mahu seorang yang benar-benar bersih dilantik, dan bukan seorang yang hanya akan menggunakan kedudukannya untuk mencari harta bagi dirinya sendiri.

Pada 26 April pula, Dr Mahathir berkata bahawa tiada masalah lagi berhubung pelantikan itu kerana semua pihak, termasuk Sultan sendiri, sudahpun memberi mandat kepadanya untuk membuat pilihan.

Pelbagai spekulasi dibuat oleh media mengenai siapa Menteri Besar yang baru tetapi sehingga hari ini, iaitu 20 hari selepas Dr Mahathir mengumumkan peletakannya Muhammad, ianya masih lagi menjadi satu "rahsia yang masih belum bocor".

Mengikut Perlembagaan Negeri Selangor, jawatan Menteri Besar tidak boleh dibiarkan kosong melebihi 28 hari.

Antara nama-nama yang hangat disebut sebagai Menteri Besar baru ialah Anggota Exco dan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Sungai Air Tawar, Datuk Zainal Dahalan dan Adun Kelana Jaya, Datuk Mokhtar Dahlan.--BERNAMA

AU MAI